

Biro Umno bincang pimpinan 3 negeri

KUALA LUMPUR, Rabu — Mesyuarat Jawatankuasa Biro Politik UMNO malam ini dipercayai membincangkan masalah-masalah kepimpinan di Johor, Pahang dan Perlis.

Menurut sumber-sumber di sini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dipercayai telah membincangkan masalah-masalah tersebut sebelum memutuskan penyelesaian bagi negeri-negeri berkenaan.

Mesyuarat itu, yang diadakan di kediaman Perdana Menteri, dihadiri oleh Timbalan Perdana Menteri merangkap Timbalan Presiden UMNO, Datuk Musa Hitam, Naib Presiden, Encik Ghafar Baba dan Datuk Haji Harun Idris, Ketua Pergerakan Pemuda, Datuk Haji Suhalmi Kamaruddin, Ketua Pergerakan Wanita, Datin Paduka Hajjah Alshah Ghani dan Setiausaha Agung, Datuk Haji Mustaffa Jabar.

Datuk Seri Dr. Mahathir yang juga Presiden Umno, memengerusikan mesyuarat itu.

Seorang lagi Naib Presiden, Tengku Ahmad Rithauddeen dan Bendahari UMNO, Tengku Razaleigh Hamzah, kedua-duanya juga Ahli Jawatankuasa itu, tidak menghadiri mesyuarat tersebut kerana berada di luar negeri.

Sumber-sumber tersebut berkata, mesyuarat itu adalah biasa sebelum mesyuarat kedua Majlis Tertinggi pada 10 Oktober.

Genting

Ia menambah adalah logik masalah kepimpinan di Johor, Pahang dan Perlis dibincangkan kerana perkara-perkara itu boleh dianggap sebagai "masalah-masalah genting."

Menteri Besar Johor, Tan Sri Haji Othman Saat, telah menyampalkan surat perletakan jawatan Ketua Perhubungan UMNO Negeri kepada Presiden UMNO dan tempatnya dijangka digantikan oleh Datuk Musa.

Masalah parti di Pahang yang mungkin membawa kepada perletakan jawatan Haji Abdul Rahim Abu Bakar sebagai Menteri Besar juga dipercayai dibincangkan.

Datuk Seri Dr. Mahathir telahpun mengadakan perjumpaan dengan Ahli-ahli EXCO Pahang dan Menteri Besarnya minggu lalu tetapi tidak ada keputusan dicapai.

Perdana Menteri dijangka mengumumkan keputusan beliau tentang kepimpinan negeri Pahang tidak lama lagi.

Pilihan calon untuk menggantikan Datuk Haji Jaafar Hassan sebagai Menteri Besar Perlis, juga dipercayai dibangkitkan.